

22/07/1997

Semua mungkin wajib atasi Millennium Bug

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) mungkin mewajibkan semua syarikat dan agensi kerajaan di negara ini meningkatkan taraf sistem komputer masing-masing, bagi mengatasi masalah Millennium Bug.

Cadangan itu akan dikemukakan kepada kerajaan selepas pasukan petugas khas kebangsaan bagi Millennium Bug atau Masalah Tahun 2000 (Y2K), selepas menerima rumusan daripada tujuh jawatankuasa teknikal yang diwujudkan bagi mengkaji masalah terbabit.

Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, berkata langkah mewajibkan syarikat berkenaan meningkatkan keupayaan sistem komputer membabitkan pindaan undang-undang, dan memerlukan kajian lanjut.

Beliau berkata, pada akhirnya ia mungkin terpaksa dikuatkuasakan kerana langkah mengatasi Y2K memerlukan kerjasama semua pihak, kerana rangkaian komputer sedia ada berkait rapat antara satu sama lain.

Sambil menyifatkannya sebagai satu agenda kebangsaan, beliau berkata masanya sudah tiba bagi semua pihak untuk menganggap Y2K sebagai satu ancaman besar kepada negara.

"Secara umumnya, orang ramai tidak menyedari mengenai bagaimana seriusnya masalah Millennium Bug ini kepada kehidupan seharian, dan kesannya keseluruhannya dalam tempoh tiga tahun akan datang.

"Bagaimanapun, tumpuan utama kita ketika ini ialah terhadap sektor swasta khususnya golongan pengurusan, kerana mereka yang merumuskan dasar bagi syarikat masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pertama pasukan petugas berkenaan di Mimos Berhad di sini, hari ini. Turut hadir Pengarah Urusan Unidata Sdn Bhd, K C Toh yang turut menjadi pengerusi bersama pasukan petugas khas itu.

Pasukan petugas khas itu diwujudkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi NITC bagi merumus dan melaksanakan langkah mengatasi Millennium Bug, yang sudah pun mewujudkan kerosakan besar di beberapa negara lain.

Y2K merujuk kepada penggunaan dua digit untuk mewakili tarikh dalam memori perisian, umpamanya 97 merujuk kepada 1997. Apabila tahun 2000 menjelang tiba, komputer akan menganggapnya sebagai 1900 sekaligus menyebabkan berlakunya kekeliruan.

Dr Omar berkata, mesyuarat pertama pasukan petugas khas itu bersetuju mewujudkan tujuh jawatankuasa teknikal bagi mengkaji kesan Y2K terhadap pelbagai sektor di negara ini.

Tujuh jawatankuasa teknikal itu ialah untuk sektor pembuatan, kewangan, petroleum dan gas; pengangkutan dan komunikasi; kerajaan (termasuk perkhidmatan kesihatan), kemudahan; dan sistem pra-program (bagi golongan pengguna).

"Semua jawatankuasa teknikal itu perlu melaporkan rumusan masing-masing kepada pasukan petugas khas dalam tempoh lima bulan untuk dibentangkan dalam mesyuarat NITC, November ini," katanya.

Dalam pada itu, katanya, beberapa siri forum akan diadakan dengan Ketua Eksekutif syarikat tempatan untuk menjelaskan kepentingan menaikkan taraf sistem komputer masing-masing dengan segera.

Ditanya mengapa strategi mengatasi masalah itu baru dirancang sedangkan tinggal kurang tiga tahun sebelum 2000, beliau berkata, persediaan awal

sudah dilaksanakan oleh pelbagai pihak terbabit.

Menurutnya, kebanyakan anggota pasukan petugas itu sebelum ini sudah pun membuat kajian terperinci mengenai Y2K berdasarkan keperluan dalam konteks masing-masing.

(END)